



Title	Lembaga Letrik Negara Tanah Melayu Laporan Tahunan ke 34
Call Number	TNB HD 9685 .L36 1983
Accession Number	47610
Barcode	000000070131
Year	1983
Author	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
Digitized Date	07 March 2016
Remarks	

**LAPORAN TAHUNAN ke34**  
TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 1983



*Penyediaan tenaga  
listrik*



*Pengarah*

TNB  
HD  
9685  
.L36  
1983






*Kuasa suria, air terjun, arang batu membara dan gas menyala melambangkan pelbagaian sumber tenaga untuk penjanaan tenaga elektrik.*



47610

Lembaga	1
Tugas-tugas dan Dasar Kewangan Lembaga	2
Laporan Timbalan Pengerusi dan Pengurus Besar	3
Perancang Pembangunan	5
Projek Utama	9
Kendalian	13
Pentadbiran	17
Organisasi Lembaga	20
Bekalan Elektrik Luar Bandar	21
Sumber Tenaga Alternatif	23
Jemaah Pemeriksa Elektrik	25
Jawatankuasa Nasional Malaysia Persidangan Tenaga Sedunia	26
Peristiwa-Peristiwa Menarik Untuk Tahun Ini	27
Perancangan Pembangunan 1983 — 1990	28
Grid Nasional	29
Kewangan	(i) — (xxvi)



Singkatan huruf yang digunakan dalam Laporan ini.

GWj : Gigawat jam  
 KWj : Kilowat jam  
 kV : Kilovolta  
 kW : Kilowat  
 MVA : Megavolta-Ampiar  
 MW : Megawat  
 T/A : Talian atas  
 T/B : Talian bawah  
 PTK : Pembawa Talian Kuasa  
 ASEAN : Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara  
 PLN : Pertubuhan Listrik Negara  
 GT: Tarbin Gas.  
 CC: Kitar Padu

# LEMBAGA

## **PENGERUSI**

Y.B. Tan Sri Hashim bin Aman, PMN, PSM,  
D CSM, DPMK, DSNS, DPMJ.

## **TIMBALAN PENERUSI DAN PENGURUS BESAR**

Y.B. Tan Sri Dato Abu Zarim bin Haji Omar, PSM,  
PJK.

## **AHLI-AHLI**

Y.B. Dato Chan Keong Hon, DPMS, JSM, AMN,  
SMS, PJK.

Encik Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad.

Encik N. Sadasivan, KMN.

Encik Mohd. Hussaini bin Abdul Jamil, JSM,  
PCM. †

Encik Nik Ahmad bin Haji Nik Hassan, JMN,  
KMN. ††

Y.B. Encik Ramli bin Ngah Talib, AMN, ADUN.  
(hingga 31.3.1983).

Y.B. Encik Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad,  
MP.

Encik A. Rangunathan.

Y.B. Encik Md. Noor bin Md. Dom, JP, AMN,  
PIS, BSI, PPN, ADUN

Encik Lim Kiam Hoon, SDK, AMK.

## **AHLI PENGGANTI**

† Encik Shamsuddin bin Dahlan, KMN. (hingga  
17.1.1983).

† Encik Helmi bin Mohd. Noor, KMN (mulai  
18.1.1983).

†† Encik Mokhtar bin Yaacob.

## TUGAS-TUGAS DAN DASAR KEWANGAN LEMBAGA

4.7610

Lembaga mempunyai tugas-tugas berkanun untuk menggalakkan penjanaan tenaga elektrik dengan tujuan untuk membangunkan ekonomi Semenanjung Malaysia dan untuk menjamin bekalan tenaga itu dengan harga-harga yang herpatutan. Ia juga mempunyai tugas untuk menasihatkan Y.B. Menteri, yang bertanggungjawab mengenai elektrik, atas semua perkara berkaitan dengan penjanaan kuasa dan penggunaannya. Lembaga dikehendaki mengurus dan mengendali pemasangan-pepasangan elektrik yang dipindahmilik atau diambil atau ditubuhkan oleh Lembaga. Dalam bidang perundangan, Lembaga telah diberi tugas-tugas untuk mengadakan peraturan-peraturan bagi penjanaan kuasa dan penggunaan tenaga elektrik. Untuk membolehkannya menjalankan tugas-tugas itu, Lembaga mempunyai hak dan kuasa-kuasa yang luas yang membenarkannya membina dan mengendalikan talian-talian bekalan dan stesen-stesen janaelektrik, menjanakuasa dan menjual tenaga elektrik dan memperolehi loji janakuasa dan harta benda, dan untuk memasang atau membuat loji-loji dan pasangan-pasangan elektrik.

Adalah menjadi tugas Lembaga sebagai sebuah pertubuhan yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai, untuk menentukan yang hasilnya, setelah menyelesaikan semua perbelanjaan termasuk susutan dan faedah atas modal, digunakan untuk membiayai sebahagian dari rancangan pembangunan modalnya untuk menghadapi keperluan kuasa elektrik yang kian bertambah di negara ini. Kadar-kadar perkembangan yang tinggi di dalam bidang bekalan elektrik yang menggunakan banyak modal ini memerlukan penggunaan hampir semua baki hasilnya bagi membiayai rancangan pembangunan modal.

# LAPORAN TIMBALAN Pengerusi dan Pengurus Besar



Tan Sri Dato' Abu Zarim bin Haji Omar, PSM, PJK.  
Timbalan Pengerusi dan Pengurus Besar

Pada keseluruhannya Lembaga Elektrik Negara telah sekali lagi mencapai kejayaan dalam berbagai aktiviti sebagai memenuhi objektifnya untuk memberi bekalan tenaga elektrik yang mencukupi untuk pembangunan negara. Dalam tahun kewangan 1982/1983 hasil yang diperolehi ialah sebanyak \$1,950.1 juta manakala pendapatan daripada jualan 8 310 228 397 kWj tenaga elektrik ialah sebanyak \$1,857.8 juta. Yang lebih penting lagi, akaun hasil Lembaga mencatatkan lebih sebanyak \$345.5 juta untuk tahun dalam kajian ini. Perolehan pendapatan yang lebih ini disebabkan oleh pertambahan dalam jualan tenaga elektrik di samping pengurangan harga minyak bahanapi yang telah turun daripada \$508 setan untuk tahun kewangan 1981/1982 kepada \$466 setan tahun ini. Lebihan hasil ini akan digunakan oleh Lembaga untuk membantu membiayai perluasan sistemnya pada tahun-tahun yang akan datang.

Di bidang kendalian pula, Lembaga telah sekali lagi mencapai kejayaan. Keupayaan pemasangan penjanaan Lembaga telah mencapai jumlah 2 492.7 MW mengandungi 1 560 MW (62.6%) loji haba 686.4 MW (27.5%) loji hidro, 100

MW (4.0%) tarbin gas dan 146.3 MW (5.9%) loji diesel. Permintaan puncak mencapai 1 686.2 MW sementara bilangan pengguna pula bertambah sebanyak 10.2 peratus kepada seramai 1 694 948 yang merupakan pertambahan terbesar dalam masa sepuluh tahun yang lalu.

Untuk memenuhi permintaan yang bertambah bagi tenaga elektrik sebanyak \$1,263.4 juta telah dibelanjakan atas loji-loji dan peralatan-peralatan dalam tahun kewangan tersebut. Tambahan yang besar terhadap sistem penjanaan Lembaga ialah pembinaan stesen janaelektrik hidro Bersia (3 x 24 MW) yang dimulatugas pada tahun tersebut. Kemajuan seterusnya yang dimulatugas pada tahun tersebut. Kemajuan seterusnya dicapai dalam pembinaan berbagai loji penjanaan terutama sekali bagi Stesen Janaelektrik Hidro Kenyir 400 MW, Peringkat Pertama Stesen Janaelektrik Pelabuhan Kelang (600 MW) dan Stesen Janaelektrik Kitar Padu Paka yang berkeupayaan 900 MW yang dijangka siap antara tahun 1985 dan 1986. Bersama dengan lain-lain loji penjanaan yang sedang dibina, Lembaga dijangka dapat menyumbangkan kira-kira 2800 MW jumlah keupayaan penjanaan sehingga tahun kewangan 1988/1989.

Sejajar dengan perkembangan pesat dalam loji penjanaan serta bertambahnya permintaan terhadap tenaga elektrik di seluruh negara berbagai perluasan dan tambahan kepada Grid Nasional dibuat untuk menyalurkan tenaga elektrik ke pusat-pusat muatan kuasa utama serta memajukan keselamatan dan kestabilan sistem lembaga. Perkara yang paling penting dalam pembangunan ini ialah pembinaan rangkaian litar berkembar 275 kV yang menghubungkan stesen-stesen janaelektrik Paka, Kenyir dan Temengor dengan pusat-pusat muatan kuasa di pantai timur dan barat Semenanjung. Pembinaan rangkaian ini dijangka siap dalam tahun 1986.

Sebagai memenuhi keutamaan yang diberikan kepada pembangunan luar bandar oleh kerajaan yang bertujuan meninggikan taraf socio-ekonomi penduduk luar bandar, Lembaga telah mempercepatkan pelaksanaan berbagai projek-projek elektrik luar bandar dibawah Rancangan Malaysia Keempat. Bagi memenuhi objektif ini Lembaga terus berhubung rapat dengan agensi kerajaan yang berkenaan untuk menjamin kejayaan kesemua rancangan-rancangan tersebut.

Kemajuan yang memuaskan telah dicapai oleh Lembaga dalam tahun kewangan 1982/1983 yang menandakan satu lagi kejayaan dalam usahanya untuk menjamin perkhidmatan yang bermutu tinggi kepada pengguna-pengguna elektrik khususnya dan orang awam umumnya. Lembaga akan terus bergiat untuk memenuhi tanggungan serta tanggungjawabnya sejajar dengan peranan utamanya dalam pembangunan negara.



*Atas  
Lambang Lembaga  
dan dalam bentuk  
asbtraknya (kiri).*





*Ir. Mohd. Jalaluddin bin Zainuddin  
Timbalan Pengurus Besar (Perancang Pembangunan)*

Objektif yang utama bagi fungsi perancangan pembangunan Lembaga ialah merumuskan jualan tenaga elektrik serta ramalan permintaan selaras dengan jangkaan untuk keluaran negara kasar dan penambahan jumlah penduduk. Ramalan ini menjadi asas untuk pembangunan yang teratur, bagi memenuhi keperluan pada paras yang mencukupi untuk menentukan keselamatan bekalan.

Hasil daripada ramalan ini kehendak maksimum akan bertambah menjadi 2018 MW (12200 GWj) dalam tahun 1985, bertambah kepada 2910 MW (17587 GWj) dalam tahun 1990 dan 6752 MW (40810 GWj) pada tahun 2000. Ini menunjukkan kadar pertambahan sebanyak 8% setahun.

Perancangan pembangunan bagi sistem penjanaan Lembaga merangkumi strategi mempelbagaikan sumber bahanapi sejajar dengan dasar empat bahanapi kerajaan yang terdiri daripada hidro, gas, arang batu dan minyak sebagai sumber tenaga utama. Rancangan pembangunan penjanaan sehingga akhir abad ini menitikberatkan pelbagai sumber bahanapi selaras dengan dasar tersebut.


Projek-projek penjanaan utama yang sedang dirancang dan dilaksanakan adalah seperti berikut:



- Tarbin gas (2 x 90 MW) di Stesen Janaelektrik Jambatan Connaught yang menggunakan minyak bahanapi akan dimulatugaskan dalam

tahun 1983/1984. Unit-unit ini dijangka ditukar ke bakaran gas dengan kendalian kitar padu apabila gas asli disalurkan ke stesen ini, mungkin dalam tahun 1988/1989.

- Stesen Janaelektrik Hidro Kenering mengandungi janakuasa 3 x 40 MW yang akan dimula tugaskan dalam tahun kewangan 1983/1984.
- Stesen Janaelektrik Hidro Kenyir mengandungi unit 4 x 100 MW. Tiga buah unit akan dimula tugaskan dalam tahun kewangan 1984/1985 serta unit yang keempat dalam tahun 1985/1986.
- Stesen Janaelektrik Kitar Padu bakaran gas di Paka, merupakan stesen janaelektrik yang pertama seumpama ini dalam sistem Lembaga akan dimula tugas dalam berbagai peringkat. Enam buah tarbin gas akan dimulatugaskan dalam tahun 1984/1985 sementara tiga unit tarbin stim yang berkaitan dalam tahun 1985/1986.
- Juga dalam pembinaan pada masa ini ialah Fasa I Stesen Janaelektrik Pelabuhan Kelang yang mengandungi 2 x 300 MW unit bakaran minyak/gas. Unit pertama 300 MW dijadualkan berkendali dalam tahun 1984/1985 dan yang kedua dalam tahun 1985/1986.
- Fasa II Stesen Janaelektrik Pelabuhan Kelang akan mengandungi 2 x 300 MW unit bakaran arang batu/minyak/gas. Unit pertama dijangka dimulatugaskan dalam tahun 1987/1988 dan yang kedua dalam tahun 1988/1989.
- Sistem kawalan pencemaran telah diadakan di Stesen Janaelektrik Pelabuhan Kelang bukan sahaja untuk mematuhi undang-undang sekarang malah ia juga sejajar dengan garis pandu Pertubuhan Kesihatan Dunia dan piawaian Jepun.
- Projek-projek kuasa hidro yang lain yang dijangka dimulatugaskan pada akhir dekad ini atau tidak berapa lama selepas itu ialah Sungai Piah (38 MW) di Perak, Pergau (100 MW) di Kelantan dan Ulu Terengganu (200 MW).

Sejajar dengan rancangan pembangunan penjanaan, pembangunan grid penghantaran nasional dirancang untuk menyalurkan kuasa penjanaan ke pusat-pusat muatankuasa melalui sistem grid penghantaran yang teguh. Bahagian utama pembangunan ini mengandungi pembinaan rangkaian litar berkembar 275 kV menghubungkan stesen janaelektrik Paka, Kenyir dan Temengor dengan pusat muatankuasa di pencawang utama Tanah Merah di Kelantan, pencawang utama Bukit Tengah di Seberang Perai, pencawang utama Papan di Perak dan pencawang utama Kuala Lumpur (Utara). Pembangunan tambahan bagi sistem 275 kV termasuk





*Atas*  
Ilham pelukis bagi  
Stesen Janaelektrik  
Pelabuhan Kelang  
dengan Fasa Kedua  
yang membakarkan  
arang batu (di  
sebelah kiri).

*Kiri*  
Arang batu yang  
menyala melam-  
bangkan tumpuan  
Lembaga ke arah  
sistem penjanaan  
kuasa yang meng-  
gunakan arang  
batu.

sambung antara pencawang Kuala Lumpur (Utara) ke Stesen Janaelektrik Pelabuhan Kelang dan perluasan bekalan 275 kV di kawasan selatan, iaitu dari Melaka ke sumber pemasukan utama di Yong Peng, Johor.

Lain-lain perluasan kepada rangkaian 275 kV termasuk peruntukan bekalan 275 kV ke kilang keluli Perbadanan Industri Berat (HICOM) di Terengganu serta juga perluasan 275 kV ke Chuping di Perlis untuk menghubungkan bekalan ke Pulau Langkawi dengan merentangkan  $2 \times 27$  km kabel dasar laut 132 kV dari Kuala Perlis ke Pulau Langkawi.

Dengan semangat kerjasama tenaga elektrik ASEAN, sambung antara yang dirancang antara LLN dengan Pihak Kemudahan Awam (PUB) Singapura melalui kabel dasar laut 230 kV litar berkembar serta talian atas antara Stesen Janaelektrik Senoko dengan Stesen Janaelektrik Sultan Iskandar di Johor Bahru akan membolehkan penghantaran kuasa sebanyak 200 MW antara kedua-dua perbadanan. Usaha-usaha juga sedang di-giatkan untuk menaikkan taraf sambung antara 132 kV yang menghubungkan sistem LLN dengan Pihak Berkuasa Penjanaaan Elektrik Thailand (EGAT). Sementara itu cadangan untuk memasang kabel dasar laut antara Perusahaan Umum Listrik Negara (PLN) di Sumatra, Indonesia dengan LLN di Semenanjung Malaysia telah diberi pertimbangan yang sewajarnya.

### **Perancangan dan Pendanaan Kewangan**

Penjanaaan tenaga elektrik adalah modal intensif. Untuk mendapatkan keperluan modalnya, Lembaga terpaksa bergantung kepada sumber kewangan luar negeri sebagai tambahan kepada sumber kewangan dari dalam Lembaga. Kedudukan keseluruhan Lembaga serta kedudukan kreditnya yang teguh telah membolehkan Lembaga memperolehi sumber-sumber kewangan berdasarkan syarat-syarat yang longgar daripada institusi-institusi kewangan untuk membiayai berbagai projek pembangunannya.

Perbelanjaan modal pembangunan untuk tempoh 1981/1982 hingga 1990/1991 telah diulangkaji dan menjadi sebanyak \$16.5 ribu juta. Berdasarkan jangkaan ini Lembaga akan dapat mengekalkan syarat-syarat kewangannya dengan Bank Dunia.


Lembaga telah dapat memenuhi syarat-syarat Kewangan dengan Bank Dunia untuk tahun kewangan 1982/1983 dengan penyemakan keperluan modalnya sehingga \$1,150.4 juta. Perolehan bersih tunai sendiri dianggarkan menyediakan \$410.9 juta atau 35.2% daripada keperluan modal. Untuk tahun 1983/1984 perbelanjaan modal dianggarkan sebanyak \$1,830.1 juta dan perolehan bersih tunai sendiri dianggarkan sebanyak \$466.1 juta atau 30.4% dari jumlah perbelanjaan modal. Dengan penyekatan ke atas paras perbelanjaan modal untuk tahun 1983/1984, kedudukan kewangan Lembaga akan bertambah teguh lagi.

Pinjaman-pinjaman yang diperolehi dalam tahun 1983 termasuk 8.7 ribu juta yen daripada Sumitomo Bank dari Jepun, pinjaman sebanyak \$27 juta daripada Rakyat First Merchant Bankers Berhad, 11.2 ribu juta yen daripada Dai-Ichi Kangyo Bank dari Jepun dan pinjaman sebanyak US\$24 juta daripada Asian Development Bank.

Dalam tahun tersebut Lembaga telah mendapat melalui pinjaman Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Perancis pinjaman dalam bentuk Pinjaman Protokol Perancis sebanyak Ffr 326,257,124 dan daripada Kerajaan Jepun dalam bentuk Pinjaman Yen ke Sembilan dan Pinjaman Yen Khas sebanyak ¥48.47 ribu juta dan Pinjaman Bank Exim sebanyak ¥10 ribu juta. Pinjaman Protokol Perancis akan digunakan untuk membiayai projek Stesen Janaelektrik Paka sementara Kredit Yen akan digunakan untuk Fasa II Stesen Janaelektrik Pelabuhan Kelang.

Lembaga telah juga membuat peraturan awal untuk mendapatkan pinjaman US\$100 juta daripada Bank Dunia untuk membiayai projek Kedua Rancangan Bekalan Elektrik Luar Bandarnya. Lain-lain pinjaman yang diatur dalam tahun tersebut termasuk pengeluaran 'Private Placement Bond' sebanyak ¥ 10 ribu juta dan pinjaman bersindiket sebanyak M\$30 juta daripada Aseam Bankers Berhad.





*Atas*  
*Perluasan tarbin*  
*gas 180MW ke*  
*Stesen Janaelektrik*  
*Jambatan Con-*  
*naught yang ham-*  
*pir siap.*

*Kiri*  
*Stesen Janaelektrik*  
*Hidro Kenering*  
*120MW di hulu*  
*Sungai Perak*  
*melambangkan*  
*pendekatan ke arah*  
*mempelbagaikan*  
*sumber tenaga.*



*Ir. Lee Siaw Phin  
Timbalan Pengurus Besar (Projek Utama)*

## PROJEK PENJANAAN

### Stesen Janaelektrik Sultan Iskandar (2 x 120 MW)

Stesen Janaelektrik Pasir Gudang telah dibuka dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada 4 Disember 1982. Stesen janaelektrik ini kemudiannya diberi nama Stesen Janaelektrik Sultan Iskandar. Semua kontrak utama telah disiapkan dengan jayanya serta tempoh setahun bagi kerja senggaraan oleh pihak kontraktor sedang dilaksanakan ataupun telah disiapkan.

### Stesen Janaelektrik Pelabuhan Kelang — Fasa 1 (2 x 300 MW)

Kesukaran yang timbul daripada keadaan tanah yang kurang baik terus menjadi masalah. Kontrak dandang sedang giat dijalankan dan adalah mengikut jadual sementara lain-lain kontrak loji elektrik dan mekanik sedang dalam berbagai peringkat rekabentuk, kejuruteraan dan pembuatan. Kerja-kerja tapakbina bagi kontrak ini akan dijalankan pada akhir tahun 1983, dan kemuncaknya pada pertengahan tahun 1984. Kos projek ini berdasarkan kontrak yang diserahkan sehingga akhir tahun kewangan ialah kira-kira \$950 juta.

### Stesen Janaelektrik Pelabuhan Kelang — Fasa 11 (2 x 300 MW)

Tender-tender untuk janakuasa stim, tarbin dan alat pengendali arang batu telah dipanggil dalam tempoh kajian tersebut. Penyerahan laporan terakhir bagi tender oleh Perunding Kejuruteraan, EPDC International, Jepun dijangka diterima dalam bulan November 1983, sementara kontrak dijangka dapat diserahkan pada awal tahun 1984.

Kerja-kerja kejuruteraan awam yang berkaitan seperti rumah pam, paip dan jeti pengangkutan arang batu telah dibina di bawah kerja Fasa Pertama. Kemajuan bagi kerja-kerja awam ini amai menggalakkan sekali sementara kerja-kerja ambilan untuk lapangan arang batu telah pun disiapkan.

### Stesen Janaelektrik Paka — Fasa 1 (3 x 300 MW)

Stesen Janaelektrik Kitar Padu Paka merupakan projek yang pertama seumpama itu dalam sistem Lembaga. Apabila stesen Paka berken-dali sepenuhnya stesen ini akan merupakan salah sebuah stesen janaelektrik kitar padu yang terbesar di dunia.

Fasa pertama projek ini mengandungi pemasangan tiga buah blok loji kitar padu dengan setiap satu berkadar 300 MW.

Projek jenis kontrak pelbagai ini adalah dipecahkan kepada 25 kontrak. Dua belas kontrak yang bernilai sebanyak \$800 juta telah diserahkan sementara kontrak selebihnya adalah dalam berbagai peringkat penawaran iaitu sama ada diperingkat spesifikasi dan penyediaan atau pun pada peringkat tender dan penilaian.


Kerja-kerja penyediaan tapakbina yang telah dimulakan dalam bulan Februari 1983 sedang giat dijalankan dan dijangka siap pada bulan November 1983. Kontraktor loji utama untuk tarbin gas, dandang pemulih haba dan tarbin stim telah menjalankan kerja-kerja tapakbina. Kontrak kejuruteraan bagi lain-lain pemasangan elektrik utama sedang giat dijalankan.

### Stesen Janaelektrik Jambatan Connaught Perluasan Tarbin Gas (2 x 90 MW)

Kesemua kerja-kerja yang berasaskan kontrak 'turnkey' berjalan dengan memuaskan untuk mencapai tarikh pelancaran yang dijadualkan iaitu pada bulan November 1983 bagi unit pertama dan dalam bulan Mac 1984 untuk unit kedua.

Dua buah tarbin/unit janakuasa telah tiba di tapakbina dalam bulan April dan Jun 1983. Projek masing-masing ini bernilai sebanyak \$143 juta.





*Atas*  
Rumah dandang  
bagi peringkat per-  
tama Stesen Jana-  
elektrik Pelabuhan  
Kelang sedang da-  
lam pembinaan.

*Kiri*  
Kerja mengimpal  
bagi tiub dandang  
di rumah dandang.

## **AWAM/HIDRO**

### **Projek Hidro Elektrik Kenyir (4 × 100 MW)**

Lebih daripada 80% penambahan empangan utama Projek Hidro Elektrik Kenyir di Terengganu telah disiapkan sementara kerja-kerja awam untuk alurlimpah, injab pemasukan air dan stesen janaelektrik sedang giat dilaksanakan. Kesemua kontrak loji elektrik dan mekanik telah diserahkan manakala pemasangan pintu pemasukan dan peralatan untuk kerja-kerja pengaliran sungai telah dijalankan. Pengisian kolam air dijadualkan dilaksanakan pada bulan Oktober 1983.

### **Projek Hidro Elektrik Bersia (3 × 24 MW) dan Kenering (3 × 40 MW)**

Unit satu, dua dan tiga Projek Hidro Elektrik Bersia telah mula berkendali dalam bulan Jun, Julai dan Ogos 1983. Pada masa ini loji-loji ini berkendali secara manual sehingga pada masa kelak apabila stesen ini dikendalikan daripada Stesen Janaelektrik Temengor.

Kerja-kerja awam untuk Projek Hidro Elektrik Kenering telah siap dalam bulan Jun 1983, tiga bulan lebih awal daripada yang dijadualkan sementara pemasangan loji elektrik dan mekanik berjalan sebagaimana yang dijadualkan. Ujian prapelancaran giat dijalankan untuk lapangan suis dan alat elektrik dan mekanik untuk unit I. Penegakkan tarbin dan janakuasa untuk unit II dan III berjalan dengan lancarnya.

### **Masa Depan Projek Hidro**

Deraf laporan untuk kajian mungkinsuai bagi projek Tekai dan Ulu Terengganu telah siap masing-masing dalam bulan Jun dan Julai 1983. Kajian pramungkinsuai bagi sistem saluran air untuk lencongan ke dalam projek Pergau di Kelantan bermula dalam bulan Julai 1983, kajian mungkinsuai bagi projek Sungai Piah di Perak bermula dalam bulan April 1983 dan dijangka siap pada akhir tahun tersebut. Perancangan awal dijalankan untuk projek Neng-giri di Kelantan serta juga projek-projek lain yang dikenalpasti.

### **PROJEK SISTEM PENGHANTARAN**

Kemajuan seterusnya telah dicapai dalam pembinaan talian penghantaran 275 kV litar berkembar yang menghubungkan Tanah Merah di Kelantan dengan Kenyir dan Paka di Terengganu dan seterusnya ke Kampong Awah di Pahang. Perluasan utama yang lain bagi sistem penghantaran 275 kV Lembaga mengandungi pembinaan talian sepanjang 149 km menghubungkan Bukit Tengah ke Kota Star dan Chuping di Perlis. Tambahan kepada rangkaian penghantaran 132 kV termasuklah pembinaan talian sepanjang 80 kilometer antara Kemaman, Paka dan Dungun di Terengganu. Pembangunan ini serta lain-lain pembangunan bukan sahaja menguatkan sistem penghantaran Lembaga malah ianya juga dapat memenuhi keperluan pusat-pusat muatankuasa di negara ini.





*Atas*  
Seorang pekerja sedang menyediakan tapak untuk Stesen Janaelektrik Paka di Terengganu.

*Kiri*  
Kerja penegakan ke atas struktur utama Stesen Janaelektrik Pelabuhan Kelang — Peringkat Pertama.





*Ir. Eddie Tan Ghee Soon  
Timbalan Pengurus Besar (Kendalian)*

## **KENDALIAN PENJANAAN**

Kehendak maksimum bagi Grid Nasional untuk tahun kewangan 1982/1983 ialah 1 686.2 MW yang dicapai pada 25 Ogos 1983. Keupayaan penjaan bagi semua stesen janaelektrik yang dihubungkan ke Grid Nasional ialah 2 352 MW sementara jumlah unit yang dijanakan oleh stesen-stesen janaelektrik ini ialah 9 935.2 GWj, satu per tambahan sebanyak 8.3 peratus daripada tahun sebelumnya.

## **KENDALIAN SISTEM**

Selain daripada pelancaran set-set hidro 3 x 24 MW di Stesen Janaelektrik Hidro Bersia, tambahan utama kepada sistem elektrik adalah terdiri daripada pelancaran talian 2 x 275 kV Temengor — Tanah Merah pada 20 Ogos 1983 dan talian 2 x 132 kV Tanjung Gelang — Kemaman pada 7 April 1983.

Masalah voltan tinggi yang dialami dalam tahun 1981/1982 merupakan satu masalah yang belum dapat diselesaikan. Masalah ini bertambah rumit lagi semasa musim perayaan apabila kehendak sistem amatlah rendah. Masalah kekurangan voltan walaupun tidak begitu rumit juga dialami dan

untuk mengekalkan voltan dalam had yang dibenarkan, 'under-frequency relays' bagi talian-talian penghantaran 275 kV terpaksa dibuka untuk mengawal keadaan voltan.

Sistem Lembaga mengalami tiga gangguan besar dalam tahun yang dikaji. Dua daripadanya disebabkan oleh kerosakan di pencawang Kuala Lumpur (Selatan). Gangguan yang ketiga disebabkan oleh kebakaran semak di kawasan rentis talian 275 kV Temengor — Papan yang mengakibatkan kehilangan beratus-beratus megawatt beban.

Catutan tenaga disebabkan oleh kekurangan voltan untuk tempoh di bawah kajian adalah kurang sekali. Kehilangan beban tidak begitu lumrah pada keseluruhannya sementara masa pemulihan adalah memuaskan. Pada keseluruhannya sistem Lembaga tidak berjalan dengan memuaskan bagi tempoh dalam kajian disebabkan oleh tiga kejadian gangguan yang besar itu.

## **SISTEM PENGHANTARAN**

### **Perlindungan**



Perkembangan yang pesat dalam sistem-sistem penjaan penghantaran dan pembahagian Lembaga telah menambahkan kerja-kerja perlindungan. Sebahagian besar aktiviti-aktiviti perlindungan ditumpukan kepada peringkat penghantaran. Bahagian perlindungan juga terlibat secara aktif dalam ujian-ujian pelancaran di Stesen Janaelektrik Hidro Bersia dan Kenering. Senggaraan berjadual bagi alat perlindungan di peringkat penghantaran dan pembahagian telah juga disiapkan mengikut jadual.

### **PEMBAWA TALIAN KUASA**

Selain daripada aktiviti senggaraan yang biasa bahagian Pembawa Talian Kuasa (PTK) telah terlibat dalam kerja-kerja melaksanakan beberapa projek PTK dan VHF. Pada masa ini rancangan untuk memperluaskan rangkaian PTK di kawasan timur dan selatan dijangka siap pada awal tahun 1985.

### **SENGGARAAN PENGHANTARAN**

Sejajar dengan pertambahan jarak panjang talian penghantaran 275, 132 dan 66 kV, rondaan sentiasa dijalankan untuk memastikan keutuhan sistem tersebut pada setiap masa. Usaha yang lebih giat lagi telah dijalankan untuk membersihkan rentis penghantaran untuk memudahkan kerja-kerja senggaraan.



Atas  
Pusat Kawalan Muatankuasa Nasional di Kuala Lumpur.


Kiri  
Kawalan rapi ke atas sistem Lembaga akan menjamin keselamatan dan keutuhannya.

## PEMBAHAGIAN

Tahun kewangan 1982/1983 telah mencatatkan pertambahan yang besar dalam bilangan pengguna lembaga, di mana tambahan seramai 157 301 pengguna baru telah membawa jumlah pengguna kepada 1 694 948. Ini menunjukkan pertambahan sebanyak 10.2 peratus daripada tahun sebelumnya. Jumlah unit yang dijual ialah 8 310 228 397 kwj dan ini mendatangkan hasil sebanyak \$1,857,828,278. Jadual I menunjukkan bilangan pengguna, unit yang dijual dan pendapatan dari kawasan-kawasan bagi tahun di bawah kajian.

## PENGURUSAN BAHAN-BAHAN

Pembelian barangan-barangan dan perkhidmatan untuk tempoh di bawah kajian berjumlah sebanyak \$1,563,348,337 di mana \$1,476,927,593 atau 94.5 peratus telah diserahkan kepada kontraktor dan pembekal tempatan. Kedudukan stok di Stor Pusat berjumlah \$103.9 juta di mana \$71 juta ialah pemindahan stok ke stor-stor di luar.






\*Geraf menunjukkan kehendak maksimum (1 686.2 MW pada 25 Ogos 1983) yang dicatitkan pada tahun kewangan 1982/1983.

## Prestasi Mengikut Kawasan

Kawasan	Bilangan Pengguna 1981/1982	Bilangan Pengguna 1982/1983	Peratus Tambahan Bilangan Pengguna	Unit Dijual 1981/1982 (juta Kwj)	Unit Dijual 1982/1983 (juta Kwj)	Peratus Tambahan Unit Dijual	Hasil 1981/1982 (juta ringgit)	Hasil 1982/1983 (juta ringgit)	Peratus Tambahan Hasil
Kawasan Timur	278 223	318 415	14.45	472.40	552.96	17.05	111.79	130.55	16.78
Kawasan Selatan	384 641	425 232	10.55	1 506.78	1 669.28	10.78	336.63	371.31	10.30
Kawasan Selangor	197 407	214 219	8.52	1 700.68	1 890.29	11.15	370.09	409.72	10.71
Wilayah Persekutuan	216 957	242 977	11.99	1 864.88	1 971.74	5.73	430.49	458.02	6.39
Kawasan Utara	460 419	4 94 105	7.31	2 823.21	2 225.96	21.15*	590.68	488.23	17.34*
Jumlah	1 537 647	1 694 948	10.21	8 367.95	8 310.23	0.69*	1 839.68	1 857.83	0.99

\*Kurangan






**A**  
*Stesen Janaelektrik  
Jambatan Connaught  
(80MW + 20MW  
Tarbin Gas)*

**J**  
*Stesen Janaelektrik  
Melaka (30MW)*

**B**  
*Stesen Janaelektrik  
Sultan Yussuf  
(100MW)*

**K**  
*Stesen Janaelektrik  
Tuanku Ja'afar  
(600MW + 20MW  
Tarbin Gas)*



**C**  
*Stesen Janaelektrik  
Temengor  
(348MW)*

**D**  
*Stesen Janaelektrik  
Bersia (72MW)*

**E**  
*Stesen Janaelektrik  
Sultan Iskandar  
(240MW)*

**F**  
*Stesen Janaelektrik  
Sultan Idris II  
(150MW)*



**G**  
*Stesen Janaelektrik  
Perai (450MW)*

**H**  
*Stesen Janaelektrik  
Glugor (40MW +  
20MW Tarbin Gas)*

**I**  
*Stesen Janaelektrik  
Sultan Ismail  
(120MW + 20MW  
Tarbin Gas)*



*Ir. Hik Mohamed bin Hik Yusof  
Timbalan Pengurus Besar (Pentadbiran)*

## KAKITANGAN

Bilangan kakitangan yang bertugas dengan Lembaga setakat 31 Ogos 1983 ialah seramai 22,602. Sehingga tempoh tersebut seramai 9,202 kakitangan telah diletakkan di bawah skim berpencen iaitu satu bilangan yang besar jika dibandingkan dengan bilangan kakitangan yang berkhidmat dalam Lembaga.

Sebagaimana tahun sebelumnya suasana perhubungan perusahaan yang sihat terus dikekalkan dalam Lembaga. Lembaga terus melibatkan secara aktif dalam berbagai aktiviti sukan serta lain-lain aktiviti yang bertujuan untuk meninggikan moral dan motivasi para kakitangan.

## PERKHIDMATAN DAN KEMAJUAN PENGURUSAN

Dalam usaha untuk memperbaiki daya pengeluaran dan kecekapan dalam Lembaga, keutamaan telah diberi terhadap pelaksanaan cadangan yang dikemukakan dalam laporan Gilbert Commonwealth International.

Perunding pengurusan ini telah dilantik oleh Kerajaan untuk membuat kajian terhadap organisasi Lembaga serta memberi perakuan untuk memperbaiki daya pengeluaran dan kecekapan dalam Lembaga.

Beberapa taklimat bagi ketua-ketua jabatan telah diadakan untuk menentukan tindakan yang perlu diambil bagi pelaksanaan laporan tersebut. Dua belas jawatankuasa kecil telah ditubuhkan untuk menilai dan melaksanakan perakuan tersebut.

Beberapa kajian telah dijalankan untuk memperbaiki jentera pentadbiran Lembaga, seperti kajian terhadap fungsi pengurusan bahan-bahan, rancangan memperbaiki kerja perkeranian dan penyerapan amalan pengurusan Jepun sejajar dengan Dasar Padang ke Timur.

## SETIAUSAHA

Pada tahun ini Lembaga telah mengadakan sepuluh mesyuarat di Ibu Kota dan setiap satu di Johor Bahru dan Kuala Terengganu. Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Leo Moggie telah mengambil kesempatan untuk memberitahu Lembaga mengenai dasar-dasar Kerajaan di mesyuarat yang diadakan di Kuala Terengganu. Berikutan dengan mesyuarat ini ahli-ahli Lembaga dibawa melawat Projek Hidro Elektrik Kenyir untuk mendapat pandangan yang lebih dekat tentang kemajuan projek hidro elektrik Lembaga yang terbesar itu.

Perubahan dalam kedudukan ahli Lembaga berlaku pada 1 April 1983 apabila YB Encik Ramli bin Ngah Talib telah meletakkan jawatannya sebagai ahli Lembaga. Berkuatkuasa dari 18 Januari 1983, Encik Helmi bin Mohd. Noor telah dilantik sebagai ahli pengganti Lembaga dan menggantikan Encik Shamsuddin bin Dahlan.

## PERNIAGAAN

Tambahan yang terbesar bagi jualan tenaga elektrik mengikut kategori pengguna ialah bagi pengguna perniagaan di mana unit yang dijual bertambah daripada 2 517 644 493 kwj dalam tahun 1981/1982 kepada 2 819 855 775 kwj untuk tahun kewangan 1982/1983. Tambahan yang terbesar bagi bilangan pengguna ialah pengguna kediaman di mana tambahan sebanyak 135 363 pengguna baru telah tercapai.



*Atas*  
Penggunaan mesin  
taip sedang diganti  
oleh wordprocessor  
(kiri), untuk me-  
ningkatkan kece-  
kapan dan daya  
pengeluaran.

Aktiviti perhubungan awam Lembaga ditumpukan ke arah memperbaiki perhubungan pengguna dengan menggunakan media massa untuk memberi kesedaran kepada orang awam tentang dasar-dasar dan peraturan-peraturan Lembaga. Sebagai tambahan kepada usaha ini Lembaga terus menyertai pameran-pameran, perayaan-perayaan serta aktiviti-aktiviti yang berkenaan untuk memberi pengetahuan kepada orang awam mengenai rancangan-rancangan dan aktiviti-aktiviti Lembaga.

### PELAJARAN DAN LATIHAN

Lembaga telah membelanjakan sebanyak \$18.86 juta bagi rancangan pelajaran dan latihan untuk tahun kewangan 1982/1983. Di bawah rancangan biasiswanya sebilangan besar biasiswa-biasiswa telah dikeluarkan untuk kursus kejuruteraan sementara selebihnya ialah untuk kursus


perakaunan. Selaras dengan rancangan pembangunan sumber tenaga manusia, Lembaga telah menganjurkan berbagai kursus jangka pendek dan panjang serta seminar-seminar untuk para pegawainya, dan di samping itu ia juga memberi kemudahan latihan praktikal kepada pelajar-pelajar dari universiti-universiti tempatan dan juga kakitangan kerajaan dan badan-badan berkanun.

### INSTITUT LATIHAN SULTAN AHMAD SHAH


Kerja pembinaan bagi semua fasa institut ini telah disiapkan dan ianya telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 10 Februari 1983. Sebagai memperingati upacara yang bersejarah itu institut tersebut telah diberi nama Institut Latihan Sultan Ahmad Shah.

Dalam tempoh di bawah kajian, lima puluh enam kursus yang meliputi semua peringkat kakitangan telah dijalankan oleh institut ini sementara kursus methodology telah diadakan untuk instruktur-instruktur baru dari Institut tersebut dan Jabatan Pelajaran dan Latihan. Sejak penubuhannya dalam tahun 1978 seramai 9798 kakitangan telah menjalankan latihan di institut ini.


BILANGAN PENGGUNA



UNIT-UNIT DIJUAL



UNIT-UNIT DIJANA DAN DIBELI



### Jualan Tenaga Elektrik Mengikut Kategori Pengguna



Jenis Pengguna	Bilangan Pengguna	Unit dijual (juta kWj)	Hasil (juta ringgit)
Kediaman	1 451 490	1 721 57	369 30
Perniagaan	237 850	2 819 86	702 39
Perindustrian	3 027	3 474 25	720 49
Perlombongan	33	212 39	41 71
Lampu Awam	2 498	82 16	23 94
<b>Jumlah</b>	<b>1 694 948</b>	<b>8 310 23</b>	<b>1 857 83</b>






# BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR

Dalam tahun kewangan 1982/1983 Lembaga telah menyiapkan sebanyak 614 projek bekalan elektrik luar bandar yang memberi bekalan kepada 1159 buah kampung dengan bilangan pengguna seramai 71 970. Selain daripada projek yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan, terdapat juga beberapa buah kampung di beberapa buah negeri di mana projek-projek bekalan elektrik dibiayai oleh kerajaan negeri masing-masing, yang tidak termasuk dalam skim Rancangan Bekalan Elektrik Kerajaan Persekutuan. Di bawah kategori ini sejumlah 83 projek negeri yang menelan belanja sebanyak \$1,854,098 telah disiapkan dan memberi bekalan kepada 1 438 pengguna di 79 buah kampung.





*Atas*  
Projek rancangan bekalan elektrik luar bandar yang baru sahaja siap di Bahau, Negeri Sembilan.

*Kiri*  
Mekanisasi sektor perkilangan di peringkat kampung merupakan suatu faedah penting daripada rancangan bekalan elektrik luarbandar.

## **MINI-HIDRO**

Daripada 104 projek mini-hidro yang dijadualkan siap di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Lembaga telah mengusahakan rekabentuk dan pembinaan 22 buah projek secara 'in-house' sementara baki 82 buah projek lagi telah diserahkan kepada dua syarikat perunding antarabangsa untuk

perlaksanaan. Daripada 22 buah projek yang dilaksanakan itu, empat telah dimulakan manakala yang selebihnya dalam peringkat terakhir pembinaan. Kemajuan yang menggalakkan telah dibuat oleh perunding antarabangsa bagi 82 projek mini hidro yang dalam beberapa peringkat tender dan pelaksanaan.

## **SEKAM PADI**

Penjanaan tenaga elektrik daripada sekam padi menjadi kenyataan dengan pelancaran dua buah pemasangan 350 KW tiap-tiap satu di Teluk Kechai dan Jerlun di Kedah dalam tahun 1983. Kejayaan pemasangan perintis ini akan menentukan perluasan loji-loji seumpama ini ke lain-lain kilang padi di negara ini.

## **TENAGA SURIA**

Bekalan elektrik luar bandar yang menggunakan penjanaan elektrik photovoltaic diperluaskan ke Ulu Tembeling di negeri Pahang ini setelah pemasangan perintis yang pertama dipasangkan di Kampung Teluk Apau di Pulau Langkawi, Kedah pada tahun 1982. Lembaga sedang meneruskan rancangan penyelidikan bersama dengan Universiti Sains Malaysia dan Centre Nationale de la Recherche dari Perancis bagi projek sel suria SOPHOCLE 100.

# Penyata Kewangan

Untuk Bilangan 31 Disember 2008



# AKAUN HASIL

TAHUN BERAKHIR 31 OGOS 1983

	Catitan	1983 M\$'000	1982 M\$'000
PENDAPATAN KENDALIAN	2 & 19	1 950 075	1 903 364
PERBELANJAAN KENDALIAN	3	(1 505 405)	(1 397 330)
HASIL KENDALIAN		444 670	506 034
LAIN-LAIN PENDAPATAN	4	23 414	31 323
HASIL SEBELUM TAJDAH DIKENAKAN DAN PERUBAHAN LUAR BIASA		468 084	537 357
TAJDAH YANG DIKENAKAN	5	(82 801)	(83 099)
PERUBAHAN LUAR BIASA	6	385 283	256 146
		5 155	—
		390 436	256 146
BAYARAN TAJDAH ATAS SAHAM BIASA — 5%		(44 921)	—
